

12 pesawah dilema

JPS didakwa lengah baiki kerosakan jentera pam air menyebabkan benih padi mati

Oleh Shukor Kasim

ALOR GAJAH: Seramai 12 pesawah padi dari tiga kampung di Durian Tunggal, dekat sini, bakal kerugian sejumlah RM30,000 pada musim kali ini, jika Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) gagal membekalkan air ke kawasan sawah yang sedang mereka usahakan.

Mereka yang mengerjakan sawah seluas lebih 60 hektar di Kampung Belimbing Dalam, Kampung Beringin dan Kampung Parit Melana, mendakwa JPS asyik berjanji untuk mengatasi masalah kerosakan jentera pengepam air sejak lebih sembilan bulan lalu, tetapi sehingga ke hari ini ia cuma janji manis saja.

Sehingga sekarang, pam berkenaan belum dibaiki dan ini menyebabkan air tidak dapat disalurkan ke dalam petak sawah.

Ini mengakibatkan pesawah terbabit menghadapi masalah untuk memulakan aktiviti penanaman padi di sawah mereka, sekali gus akan menyebabkan setiap mereka kehilangan pendapatan kira-kira RM2,500.

Lebih malang lagi, ada pesawah yang sudah menabur benih padi sejak minggu lalu, tetapi disebabkan ketiadaan air, sawah menjadi kering kontang dan sudah pasti benih akan mati, sekali gus mendatangkan kerugian kepada pengusahanya.

Seorang pesawah, Zainudin Ahmad, 60, berasa kecewa dengan sikap sambil lewa pegawai JPS yang tidak mengambil berat untuk membantu serta mencari jalan

menyelesaikan masalah pesawah di situ.

Beliau berkata, pelbagai alasan diberikan pihak berkenaan sebelum ini selain berjanji akan membaiki jentera pam terbabit.

Pada mesyuarat yang diadakan sebelum ini, jabatan berkenaan turut memberi alasan pertukaran pegawai bertugas menjadi punca kelewatan kerja pembaikan jentera pam terbabit.

"Pegawai mereka memaklumkan, pegawai yang bertugas sebelum ini sudah berpindah dan segala maklumat mengenai jentera pam berkenaan hanya diketahui pegawai terbabit.

"Jika macam ini, dolak-dalih yang diberikan, sampai bila masalah penyaluran air ke dalam sawah kami dapat diselesaikan," katanya.

Zainudin berkata, untuk mengusahakan sawah, pesawah bukan saja mengorbankan masa dan tenaga tetapi juga wang ringgit seperti perlu membayar kerja membajak sebanyak RM180, racun (RM100), selain upah memotong padi menggunakan jentera berjumlah RM150 bagi sehektar sawah.

Rosli Md Deris, 51, pula berkata ada pesawah yang terpaksa menggunakan jentera pengepam sendiri dan membelanjakan wang untuk pembelian minyak diesel berjumlah RM50 bagi mengepam air selama tiga hari.

Bagaimanapun katanya, tidak semua pesawah di situ mampu membeli pam di samping tidak semua sawah yang boleh memperoleh air dari jentera pam pesawah terbabit berikutan kedudukan sawah yang luas.

"Saya juga kecewa dengan kakitangan Jabatan Pertanian, yang ada kalanya datang ke sini, tetapi hanya melihat dari jauh saja.

"Jika mereka datang pun sekadar untuk mengambil tandatangan pesawah, bagi mengesahkan kehadiran mereka ke sini. Tiada kesungguhan mereka mengumpul maklumat bagaimana cara untuk membantu serta mengatasi masalah kami," katanya.

FAKTA NOMBOR

Perbelanjaan pesawah

RM100

Kos untuk meracun

RM180

Kos kerja membajak

RM2,500

Anggaran pendapatan pesawah yang hilang